

Media Title : Kosmo
Headline : RM64,100 lesap diperdaya individu menyamar MCMC
Date : 23 August 2024
Section : Negara!
Page : 13



RM64,100 lesap diperdaya individu menyamar MCMC

KANGAR – Sindiket penipuan 'phone scam' kini semakin berani termasuk menyamar sebagai pegawai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) semata-mata untuk memperdayakan mangsa di daerah ini.

Ketua Polis Daerah Kangar, Asisten Komisioner Yusharifuddin Mohd. Yusop berkata, tiga laporan berkaitan kes penipuan daripada mangsa berlainan masa telah dibuat hanya dalam masa sehari pada Selasa lalu yang membabitkan kerugian sebanyak RM64,100.

"Ketiga-tiga mangsa yang berusia antara 20 hingga 40 tahun menerima panggilan telefon daripada individu yang menyamar sebagai wakil institusi perbankan dan MCMC.

"Sindiket mendakwa akaun

bank mangsa terlibat dalam aktiviti perjudian dalam talian dan pengubahan wang haram. Selepas itu, mangsa dihubungkan kepada individu mengaku pegawai polis dan diminta memindahkan wang ke satu akaun bank kononnya bagi membantu siasatan," katanya semalam.

Kata Yusharifuddin, mangsa turut dijanjikan bahawa wang tersebut akan dikembalikan selepas siasatan selesai.

"Bagaimanapun, selepas pindahan dibuat, mangsa gagal menghubungi semula individu terbabit dan wang yang dipindahkan tidak dikembalikan.

"Pihak polis kini sedang menjalankan siasatan lanjut di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan berkaitan penipuan bagi memburu suspek terlibat," ujarnya.



MANGSA diperdaya sindiket kononnya akaun bank mereka terlibat dalam aktiviti perjudian dan pengubahan wang haram.